

Laporan pengarah & penyata kewangan

Laporan Pengarah	90
Penyata Pengarah	95
Akuan Berkanun	95
Laporan Juruaudit	96
Kunci Kira-Kira	97
Penyata Pendapatan	99
Penyata Perubahan Ekuiti	100
Penyata Aliran Tunai	101
Nota Kepada Penyata Kewangan	103

Laporan pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

Pengarah dengan ini membentangkan laporan tahunan mereka berserta penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2007.

Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat pada tahun kewangan adalah perkhidmatan pos dan perkhidmatan berkaitan dengannya merangkumi penerimaan dan pengiriman barang pos, perkhidmatan kewangan pos, berurusan dalam keluaran filateli dan penjualan setem pos. Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu masing-masing dinyatakan dalam Nota 7 dan 8 kepada penyata kewangan. Tiada perubahan ketara dalam sifat aktiviti ini pada tahun kewangan.

Keputusan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Kerugian bagi tahun	33,660	152,514

Rizab dan peruntukan

Tiada pindahan penting kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada tahun kewangan yang ditinjau selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Dividen

Pada 24 Mac 2008, selepas tahun kewangan, Syarikat membayar dividen interim 5 sen sesaham dan dividen khas 5 sen sesaham bagi saham biasa berjumlah RM39,718,000, tolak 26% cukai pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

Pengarah juga mencadangkan dividen akhir 5 sen sesaham bagi saham biasa berjumlah RM19,859,000, tolak 26% cukai pendapatan berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan akan datang.

laporan pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

Para Pengarah Syarikat

Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lepas adalah:

- Tan Sri Adam bin Kadir (dilantik pada 13.8.2007)
- Dato' Idrose bin Mohamed
- Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid
- Datuk Low Seng Kuan
- Dato' Krishnan a/l Chinapan
- Puan Sri Datuk Nazariah binti Mohd Khalid (dilantik pada 13.8.2007)
- Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh (dilantik pada 22.8.2007)
- Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon (dilantik pada 13.8.2007)
- Tunku Mahmood Fawzy bin Tunku Muhiyiddin (dilantik pada 13.8.2007)
- Abdul Hamid bin Sh. Mohamed (dilantik pada 13.8.2007)
- Dr. Azidah binti Arifin (meletak jawatan pada 22.8.2007)
- Faisal bin Ismail (meletak jawatan pada 11.9.2007)

Kepentingan Pengarah

Kepentingan dan anggap faedah Pengarah dalam saham dan opsyen Syarikat dan perbadanan berkaitan dengannya (selain daripada subsidiari milik penuh) pada akhir tahun (termasuk kepentingan pasangan atau anak Pengarah yang bukan Pengarah Syarikat) seperti yang direkodkan dalam Daftar Pemegang Saham Pengarah adalah seperti berikut:

Pos Malaysia & Services Holdings Berhad ("PSH") (dahulunya syarikat induk)

	Bilangan saham biasa RM1 sesaham				
	Pada 1.1.2007	Beli	Jual	Saham PSH ditukar dengan saham Syarikat	Pada 31.12.2007
Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	321,600	239,400	(91,600)	(469,400)	-
	Bilangan opsyen ke atas saham biasa RM1 setiap satu				
	Pada 1.1.2007	Diuntukkan	Dilaksanakan	Pada 31.12.2007	
Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	-	239,400**	(239,400)	-	

* Saham biasa RM1 setiap satu dalam PSH ditukar dengan saham biasa RM0.50 setiap satu dalam Syarikat dengan nisbah satu saham biasa PSH bagi satu saham biasa Syarikat berikutan penstrukturan semula modal PSH yang dilaksanakan pada 2007. Butiran penstrukturan semula modal terkandung dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham PSH bertarikh 12 Mac 2007.

** Amaun ini diberi pada 2006 di bawah "Skim Saham Prestasi" dan diperuntukkan/diberikan hak kepada kakitangan berkenaan pada 2007. Berikutan penstrukturan semula modal PSH pada tahun 2007, sejumlah 648,400 opsyen telah dilaksanakan oleh Pemegang Amanah iaitu CIMB Trustee Berhad menurut Surat Ikatan Amanah bertarikh 2 Mac 2007.

laporan pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

Syarikat

	Bilangan saham biasa RM0.50 setiap satu				Pada 31.12.2007
	Pada 1.1.2007	Saham PSH Ditukar Dengan Saham Syarikat	Beli	Jual	
Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	-	469,400	-	-	469,400

Tiada Pengarah lain yang memegang jawatan pada 31 Disember 2007 mempunyai sebarang kepentingan dalam saham biasa Syarikat dan perbadanan berkaitan dengannya dalam tahun kewangan.

Manfaat Pengarah

Sejak penghujung tahun kewangan lepas, tiada Pengarah menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat termasuk dalam amaun agregat emolumen diterima atau akan diterima oleh Pengarah atau gaji tetap kakitangan sepenuh masa Syarikat seperti dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan) akibat sesuatu kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau badan korporat berkaitan dengan mana-mana Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah itu adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan ini, tiada pengaturan lain yang bertujuan untuk membolehkan para Pengarah memperolehi manfaat melalui pembelian saham atau debentur dalam Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Terbitan saham dan debentur

Pada tahun kewangan ini, berikutan penstrukturan semula modal Pos Malaysia & Services Holdings Berhad, modal saham dibenarkan Syarikat telah dipecahkan kepada saham biasa berharga RM0.50 setiap satu menyebabkan perubahan modal saham dibenarkan daripada RM1,000,000,001 merangkumi 1,000,000,000 saham biasa berharga RM1.00 setiap satu dan 1 Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa berharga RM1.00 kepada RM1,000,000,001 merangkumi 2,000,000,000 saham biasa berharga RM0.50 setiap satu dan 1 Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa berharga RM1.00. Berikutan usaha penstrukturan semula modal berkenaan, Syarikat juga membuat pecahan saham dan terbitan bonus 340,274,081 saham biasa baru berharga RM0.50 setiap satu yang menyebabkan modal saham berbayar menjadi RM268,369,042.50 merangkumi 536,738,085 saham biasa berharga RM0.50 setiap satu.

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")

Pada 31 Oktober 2007, Syarikat telah melaksanakan ESOS setelah penstrukturan semula Pos Malaysia & Services Holdings Berhad selesai dengan tujuan meneruskan objektif menurut ESOS Pos Malaysia & Services Holdings Berhad. ESOS ini dikawal oleh Undang-undang Kecil ESOS yang diluluskan oleh pemegang saham pada 28 Jun 2007. ESOS ini berkuatkuasa bagi tempoh dari 31 Oktober 2007 sehingga 23 Jun 2008.

Butiran mengenai ESOS ini dinyatakan dalam Nota 13 (c) kepada penyata kewangan.

laporan pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

Opsyen diberi ke atas saham belum diterbitkan

Tiada opsyen diberi kepada sesiapa untuk melanggan saham Syarikat yang belum diterbitkan pada tahun kewangan ini.

Maklumat Berkanun Mengenai Penyata Kewangan

Sebelum kunci kira-kira dan penyata pendapatan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa:-

- i. semua hutang lapuk telah dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat untuk hutang ragu, dan
- ii. semua aset semasa telah dinyatakan pada nilai lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:-

- i. yang akan menyebabkan kekurangan ketara dalam amaun dihapus kira untuk hutang lapuk atau amaun diperuntukkan untuk hutang ragu, dalam Kumpulan dan Syarikat, atau
- ii. yang akan menyebabkan kekeliruan dalam penilaian aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, atau
- iii. yang telah timbul dan boleh menyebabkan kepatuhan pada kaedah penilaian sedia ada untuk aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- iv. yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan yang boleh menyebabkan sebarang amaun dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:-

- i. sebarang tuntutan ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini dan yang menjamin liabiliti sebarang pihak lain, atau
- ii. sebarang tanggungan kontingen berkaitan Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada tanggungan kontingen atau tanggungan lain bagi sebarang syarikat dalam Kumpulan yang telah berkuatkuasa, atau berkemungkinan akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjejaskan secara ketara keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawab apabila sampai masanya.

Pada pendapat para Pengarah, melainkan peruntukan kerugian rosot nilai seperti dinyatakan dalam penyata kewangan, keputusan kendalian Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 tidak terjejas secara ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa serta tidak ada sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa tersebut berlaku dalam tempoh di antara hujung tahun kewangan dan tarikh laporan ini.

laporan pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

Peristiwa penting

Pos Malaysia & Services Holdings Berhad ("PSH"), dahulunya syarikat induk bagi Syarikat, melaksanakan penstrukturan semula modal bermula pada 31 Oktober 2006 dan diselesaikan pada 28 Ogos 2007.

Butiran peristiwa penting dinyatakan dalam Nota 28 kepada penyata kewangan.

Juruaudit

Juruaudit, Tetuan KPMG telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan khidmat mereka.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah:

Tan Sri Adam bin Kadir

Tarikh: 15 April 2008

Dato' Idrose bin Mohamed

penyata pengarah

Menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Pada pendapat Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 97 hingga 156, telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan untuk entiti selain daripada entiti swasta yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk memberikan gambaran benar dan saksama akan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2007 serta keputusan kawalan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah:

Tan Sri Adam bin Kadir

Dato' Idrose bin Mohamed

Tarikh: 15 April 2008

perakuan berkanun

Menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, **Mohd Lutfi bin Mat Lazim**, pegawai yang terutamanya bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Pos Malaysia Berhad, dengan sungguh dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 97 hingga 156 adalah, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, benar dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa penyata tersebut adalah benar, dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh penama di atas di Kuala Lumpur pada 15 April 2008.

Mohd Lutfi bin Mat Lazim

Di hadapan saya:

Laporan juruaudit

kepada Ahli Pos Malaysia Berhad 229990-M (Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 97 hingga 156. Penyediaan penyata kewangan merupakan tanggungjawab para Pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat bebas, ke atas penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami, dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah perbadanan mengikut Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Kami melaksanakan audit berdasarkan piawaian-piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian ini menghendaki kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan keyakinan munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara. Audit merangkumi pemeriksaan, berasaskan ujian, bukti-bukti yang menyokong amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Audit juga merangkumi penilaian prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para Pengarah, serta penilaian ke atas keseluruhan pembentangan maklumat dalam penyata kewangan. Kami percaya audit kami memberikan asas munasabah bagi kami memberikan pendapat.

Pada pendapat kami:

- a. penyata kewangan ini telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk entiti selain daripada entiti swasta untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang:
 - i. kedudukan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2007 dan keputusan kendalian serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - ii. perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; dan
- b. rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 yang harus disimpan oleh Syarikat dan syarikat-syarikat subsidiari, yang telah diaudit oleh kami telah disimpan dengan sewajarnya mengikut peruntukan Akta tersebut.

Nama syarikat subsidiari yang kami tidak bertindak sebagai juruaudit dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan. Kami telah menyatukan penyata kewangan syarikat subsidiari ini berdasarkan penyata kewangan tidak diaudit.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan syarikat subsidiari yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan yang disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana kami perlukan untuk tujuan tersebut.

Laporan juruaudit bagi penyata kewangan syarikat subsidiari tidak tertakluk kepada sebarang syarat pengecualian dan tidak mengandungi sebarang ulasan yang perlu dibuat menurut subseksyen (3) bagi Seksyen 174 Akta tersebut.

KPMG

Nombor Firma: AF 0758

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur,

Tarikh: 15 April 2008

Johan Idris

Rakan Firma

Nombor Kelulusan: 2585/10/08(J)

kunci kira-kira

pada 31 Disember 2007

	Nota	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000 Dinyatakan Semula	Syarikat 2007 RM'000	Syarikat 2006 RM'000 Dinyatakan Semula
Aset					
Hartanah, loji dan peralatan	4	156,876	113,349	139,717	107,152
Pajakan prabayar	5	283,450	216,200	202,584	214,172
Hartanah pelaburan	6	15,071	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari	7	-	-	32,784	22,784
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	8	1,043	2,222	-	7,650
Pelaburan lain	9	307,544	170,309	298,808	170,309
Aset cukai tertunda	15	700	-	-	-
Jumlah aset bukan semasa		764,684	502,080	673,893	522,067
Pelaburan lain	9	77,856	57,942	78,209	57,942
Inventori	10	3,185	3,863	1,753	1,900
Penghutang, deposit dan prabayar	11	157,947	103,720	207,790	87,118
Aset cukai semasa		935	687	-	-
Tunai dan setara tunai	12	242,537	657,671	224,626	648,048
Jumlah aset semasa		482,460	823,883	512,378	795,008
Jumlah aset		1,247,144	1,325,963	1,186,271	1,317,075
Ekuiti					
Modal saham	13	268,369	98,232	268,369	98,232
Pendapatan tertahan	14	591,022	839,776	516,554	839,205
Jumlah ekuiti		859,391	938,008	784,923	937,437

kunci kira-kira

pada 31 Disember 2007

	Nota	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000 Dinyatakan Semula	Syarikat 2007 RM'000	Syarikat 2006 RM'000 Dinyatakan Semula
Liabiliti					
Liabiliti cukai tertunda	15	7,660	6,430	7,220	5,615
Jumlah liabiliti bukan semasa		7,660	6,430	7,220	5,615
Pemiutang dan akruan	16	368,696	363,960	383,399	356,458
Liabiliti cukai semasa		11,397	17,565	10,729	17,565
Jumlah liabiliti semasa		380,093	381,525	394,128	374,023
Jumlah liabiliti		387,753	387,955	401,348	379,638
Jumlah ekuiti dan liabiliti		1,247,144	1,325,963	1,186,271	1,317,075

Nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

penyata pendapatan

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

	Nota	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000 Dinyatakan Semula	Syarikat 2007 RM'000	Syarikat 2006 RM'000 Dinyatakan Semula
Hasil	17	859,329	819,955	832,859	794,971
Bahan mentah dan bahan gunaam		(11,143)	(9,059)	-	-
Kos kakitangan		(456,362)	(427,660)	(446,578)	(421,534)
Sewa, komunikasi dan utiliti		(50,221)	(42,946)	(48,633)	(40,726)
Pengangkutan		(106,975)	(112,962)	(109,204)	(112,961)
Penyelenggaraan dan bekalan		(46,180)	(38,046)	(43,072)	(35,273)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan		(31,951)	(29,151)	(29,189)	(27,340)
Pelunasan pajakan prabayar		(12,038)	(10,501)	(11,588)	(10,449)
Perbelanjaan operasi lain		(43,425)	(41,714)	(39,264)	(40,161)
Keuntungan daripada operasi		101,034	107,916	105,331	106,527
Pendapatan operasi lain					
- pendapatan faedah		36,093	25,794	22,832	25,113
- lain-lain		20,432	11,672	19,293	11,115
(Peruntukan)/Pembalikan kerugian rosot nilai		(140,854)	11,320	(254,285)	11,320
Bahagian keputusan selepas cukai daripada syarikat bersekutu		(1,179)	(778)	-	-
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai	18	15,526	155,924	(106,829)	154,075
Cukai	20	(49,186)	(47,691)	(45,685)	(47,101)
(Kerugian)/Keuntungan bagi tahun		(33,660)	108,233	(152,514)	106,974
Perolehan asas sesaham (sen)	21	(6)	20		
Dividen sesaham (bersih)	22	7.4	-	7.4	-

Nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

penyata perubahan ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

Kumpulan	Nota	Modal Saham* RM'000	Boleh Agih Pendapatan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2006		98,232	802,270	900,502
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	108,233	108,233
Dividen	22	-	(70,727)	(70,727)
Pada 31 Disember 2006		98,232	839,776	938,008
Kerugian bagi tahun		-	(33,660)	(33,660)
Rizab timbul daripada kewangan penstrukturan semula	28	-	(44,957)	(44,957)
Pada 31 Disember 2007		268,369	591,022	859,391
Syarikat				
Pada 1 Januari 2006		98,232	802,958	901,190
Keuntungan bagi tahun kewangan		-	106,974	106,974
Dividen	22	-	(70,727)	(70,727)
Pada 31 Disember 2006		98,232	839,205	937,437
Kerugian bagi tahun kewangan		-	(152,514)	(152,514)
Saham bonus	13	170,137	(170,137)	-
Pada 31 Disember 2007		268,369	516,554	784,923

* Modal saham merangkumi Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa RM1.00. Rujuk Nota 13 kepada penyata kewangan bagi butiran syarat dan hak disertakan dengan Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Istimewa.

Nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

penyata aliran tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000 Dinyatakan Semula	Syarikat 2007 RM'000	Syarikat 2006 RM'000 Dinyatakan Semula
Aliran tunai daripada aktiviti operasi				
Keuntungan sebelum cukai	15,526	155,924	(106,829)	154,075
Pelarasan bagi:				
Pelunasan premium	732	128	356	128
(Laba)/kerugian pelupusan sekuriti bolehpasar	(7,420)	2,721	(7,420)	2,721
Peruntukan/(kebalikan) kerugian rosot nilai	140,854	(11,320)	254,285	(11,320)
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	31,951	29,151	29,189	27,340
Pelunasan pajakan prabayar	12,038	10,501	11,588	10,449
Laba pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(2,205)	(1,550)	(2,135)	(1,484)
Laba pelupusan pelaburan lain	(620)	-	(620)	-
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	28	553	26	553
Peruntukan hutang ragu	2,258	2,534	2,196	2,477
Pendapatan faedah	(36,093)	(25,794)	(22,832)	(25,113)
Pendapatan dividen	(2,000)	(2,638)	(4,839)	(2,638)
Bahagian keputusan selepas cukai bagi syarikat bersekutu	1,179	778	-	-
Keuntungan kendalian sebelum perubahan modal kerja	156,228	160,988	152,965	157,188
Inventori	678	(461)	147	(773)
Penghutang, deposit dan prabayar	12,956	(192)	208,599	(1,422)
Pemiutang dan akruan	2,144	18,424	26,870	13,306
Jumlah aliran tunai daripada aktiviti operasi	172,006	178,759	388,581	168,299
Cukai dibayar	(53,691)	(21,407)	(50,147)	(20,381)
Bayar balik cukai	-	1,027	-	-
Pembayaran untuk skim pemberhentian sukarela	-	(82,499)	-	(82,499)
Jumlah aliran tunai daripada aktiviti operasi	118,315	75,880	338,434	65,419

penyata aliran tunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2007

	Nota	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000 Dinyatakan Semula	Syarikat 2007 RM'000	Syarikat 2006 RM'000 Dinyatakan Semula
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Kesan penstrukturan modal, bersih daripada tunai diperoleh	28	(482,591)	-	(774,415)	-
Pelupusan pelaburan jangka panjang		15,897	-	15,897	-
Pelupusan/(pemerolehan) sekuriti boleh pasar (bersih)		29,399	(1,438)	29,399	(1,438)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu (bersih)		-	(3,000)	-	(3,000)
Kutipan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		2,451	1,571	2,335	1,505
Pembelian hartanah, loji dan peralatan		(65,145)	(42,567)	(61,980)	(39,279)
Pajakan prabayar		(71,014)	(48)	-	(48)
Faedah diterima		36,093	25,794	22,832	25,113
Dividen dibayar		1,461	1,990	4,076	1,990
Jumlah aliran tunai diguna dalam aktiviti pelaburan		(533,449)	(17,698)	(761,856)	(15,157)
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan					
Dividen dibayar		-	(70,727)	-	(70,727)
Jumlah aliran tunai diguna dalam aktiviti pembiayaan		-	(70,727)	-	(70,727)
Penurunan bersih tunai dan setara tunai		(415,134)	(12,545)	(423,422)	(20,465)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari	(i)	657,671	670,216	648,048	668,513
Tunai dan setara tunai pada 31 Disember	(i)	242,537	657,671	224,626	648,048

- i. Tunai dan setara tunai
Tunai dan setara tunai termasuk dalam penyata aliran tunai merangkumi amaun kunci kira-kira berikut:

	Nota	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000	Syarikat 2007 RM'000	Syarikat 2006 RM'000
Tunai dan baki di bank	12	145,937	115,922	132,826	106,948
Deposit	12	96,600	541,749	91,800	541,100
		242,537	657,671	224,626	648,048

Nota kepada penyata kewangan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

nota kepada penyata kewangan

Pos Malaysia & Services Holdings Berhad adalah syarikat liabiliti terhad yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad. Alamat pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama adalah seperti berikut:

Pejabat berdaftar/Tempat perniagaan utama

Tingkat 33, Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur

Penyata kewangan disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 terdiri daripada Syarikat dan subsidiarinya (sama-sama dirujuk sebagai Kumpulan) serta kepentingan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu. Penyata kewangan Syarikat pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 tidak termasuk entiti-entiti lain.

Aktiviti utama Syarikat pada tahun kewangan adalah perkhidmatan pos dan perkhidmatan berkaitan dengannya merangkumi penerimaan dan pengiriman barang pos, perkhidmatan kewangan pos, berurusan dalam keluaran filateli dan penjualan setem pos. Aktiviti utama subsidiari dan syarikat bersekutu masing-masing dinyatakan dalam Nota 7 dan 8 kepada penyata kewangan. Aktiviti utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu masing-masing dinyatakan di Nota 7 dan 8 penyata kewangan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 15 April 2008.

1. Asas penyediaan

a. Penyata pematuhan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti kecuai entiti swasta dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965.

MASB juga telah menetapkan FRS dan Tafsiran berikut yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2007 dan ia tidak dilaksanakan dalam penyediaan penyata kewangan ini:

FRS/Tafsiran	Tarikh berkuatkuasa
FRS 107, Penyata Aliran Tunai	1 Julai 2007
FRS 111, Kontrak Pembinaan	1 Julai 2007
FRS 112, Cukai Pendapatan	1 Julai 2007
FRS 118, Hasil	1 Julai 2007

nota kepada penyata kewangan

1. Asas penyediaan (sambungan)

a. Penyata pematuhan (sambungan)

FRS/Tafsiran	Tarikh kuatkuasa
FRS 120, Perakaunan untuk Bantuan Kerajaan dan Pendedahan tentang Bantuan Kerajaan	1 Julai 2007
Pindaan kepada FRS 121, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing - Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing	1 Julai 2007
FRS 134, Laporan Kewangan Interim	1 Julai 2007
FRS 137, Peruntukan, Tanggungan Kontingen dan Aset Kontingen	Akan diumumkan
FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran	
Tafsiran IC 1, Perubahan dalam Penyahtauliahian, Pemulihan dan Tanggungan Setara	1 Julai 2007
Tafsiran IC 2, Saham Ahli dalam Entiti Koperasi dan Instrumen Serupanya	1 Julai 2007
Tafsiran IC 5, Hak kepada Faedah yang Timbul daripada Penyahtauliahian, Pemulihan dan Dana Pemuliharaan Alam Sekitar	1 Julai 2007
Tafsiran IC 6, Liabiliti yang Timbul berikutan Penyertaan dalam Pasaran Tertentu—Pembaziran Elektrik dan Peralatan Elektronik	1 Julai 2007
Tafsiran IC 7, Menerapkan Pendekatan Penyataan Semula di bawah	1 Julai 2007
FRS 129 Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiper-Inflasi	
Tafsiran IC 8, Skop FRS 2	1 Julai 2007

Kumpulan dan Syarikat bercadang untuk melaksanakan FRS dan Tafsiran selebihnya di atas bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2008 melainkan FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran yang mana tarikh kuat kuasa masih belum diumumkan.

Kesan pelaksanaan FRS 139 ke atas penyata kewangan apabila dilaksanakan buat pertama kali seperti yang dikehendaki oleh perenggan 30(b) FRS 108, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Kesilapan tidak didedahkan oleh sebab pengecualian diberi dalam FRS 139.103AB.

Pelaksanaan awal FRS dan Tafsiran lain dijangka tidak akan memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

b. Asas pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali bagi hartanah pelaburan seperti yang dijelaskan dalam nota dasar perakaunan masing-masing.

c. Mata wang fungsian dan penyampaian

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Syarikat. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan di dalam RM telah dibulatkan kepada angka ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

nota kepada penyata kewangan

1. Asas penyediaan (sambungan)

d. Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan anggapan yang memberi kesan kepada penerapan dasar-dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran ini.

Anggaran dan anggapan asas dikaji secara berterusan. Anggaran perakaunan yang dikaji semula diiktiraf di dalam tempoh anggaran tersebut dikaji dan mana-mana tempoh yang berhubung dengannya di masa hadapan.

Tiada bahagian ketara ketakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam menerapkan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun diiktiraf dalam penyata kewangan selain yang dinyatakan dalam nota-nota berikut:

- Nota 6 – penilaian hartanah pelaburan

2. Dasar perakaunan penting

Dasar perakaunan diterapkan oleh Kumpulan dan Syarikat adalah konsisten dengan yang diamalkan pada tahun terdahulu melainkan penerapan FRS 117, Pajak dan FRS 124, Pendedahan Pihak Berkaitan. Selain pengelasan semula tanah pajak daripada hartanah, loji dan peralatan kepada pajak prabayar dan pendedahan lanjut diperlukan oleh FRS 124, penerapan FRS 117, Pajak dan FRS 124, Pendedahan Pihak Berkaitan tidak mempunyai sebarang kesan ketara ke atas Kumpulan dan Syarikat.

Amaun perbandingan tertentu telah dikelaskan semula untuk mematuhi pembentangan tahun semasa (lihat Nota 29).

a. Asas penyatuan

i. Syarikat Subsidiari

Syarikat-syarikat subsidiari adalah entiti-entiti termasuk entiti yang tidak diperbadankan, yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan ini wujud apabila Kumpulan mempunyai keupayaan untuk mengawal dasar kewangan dan operasi untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti mereka. Kewujudan dan kesan keupayaan hak mengundi yang boleh dilaksana atau ditukar adalah dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal suatu entiti lain.

Penyata kewangan syarikat subsidiari disertakan dalam penyata kewangan disatukan daripada tarikh kawalan bermula sehingga tarikh kawalan tamat.

Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan dalam kunci kira-kira Syarikat pada kos tolak kerugian rosot nilai, kecuali pelaburan tersebut dipegang untuk dijual (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual).

ii. Syarikat bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti, termasuk entiti tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting, tetapi tidak mempunyai kawalan, ke atas dasar kewangan dan kendalian syarikat tersebut.

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

a. Asas penyatuan (sambungan)

ii. Syarikat bersekutu (sambungan)

Syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan Kumpulan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti melainkan jika ia ditetapkan sebagai dipegang untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan aset yang ditetapkan sebagai dipegang untuk jualan). Penyata kewangan Kumpulan merangkumi bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan, setelah pelarasan untuk menjajarkan dasar perakaunannya dengan dasar perakaunan Kumpulan, dari tarikh pengaruh penting bermula sehingga tarikh pengaruh penting tamat.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat sekutu yang diambil kira penyertaan ekuitinya, amaun dibawa kepentingan itu (termasuk sebarang pelaburan jangka panjang) diturunkan sehingga nilai sifar dan kerugian selanjutnya tidak lagi diiktiraf melainkan ke tahap bila mana Kumpulan mempunyai kewajipan atau telah membuat pembayaran bagi pihak penerima pelaburan.

Pelaburan dalam syarikat sekutu dinyatakan dalam kunci kira-kira Syarikat pada kos tolak kerugian rosot nilai, kecuali jika pelaburan tersebut ditetapkan sebagai dipegang untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan aset yang ditetapkan sebagai dipegang untuk jualan).

iii. Penghapusan urusanniaga apabila disatukan

Baki di dalam kumpulan dan mana-mana pendapatan dan perbelanjaan yang belum direalisasi akan dihapuskan apabila menyediakan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan belum direalisasi daripada transaksi bersama penerima pelaburan dihapuskan daripada pelaburan setakat kepentingan Kumpulan di dalam penerima pelaburan tersebut. Kerugian belum direalisasi dihapuskan dengan cara yang sama, tetapi hanya jika tiada bukti berlakunya kemerosotan.

b. Mata wang asing

Urus niaga mata wang asing

Urusniaga dalam matawang asing ditukar kepada matawang fungsian bagi entiti Kumpulan masing-masing apda kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusanniaga. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira dtukar pada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh kunci kira-kira. Aset dan liabiliti bukan kewangan dikemukakan dalam matawang asing, yang dinyatakan pada kos sejarah, ditukar kepada matawang fungsian pada kadar tukaran asing yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Laba dan kerugian ke atas tukaran yang timbul daripada tafsiran aset dan liabiliti kewangan dinyatakan dalam penyata pendapatan.

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

c. Hartanah, loji dan peralatan

i. Pengiktirafan dan pengukuran

Tanah milik bebas dan modal kerja dalam pelaksanaan dinyatakan pada kos. Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul.

Kos merangkumi perbelanjaan yang berpunca daripada pembelian aset dan sebarang kos lain yang berpunca daripada usaha memperbaiki aset supaya dapat berfungsi untuk tujuan kegunaannya dan kos untuk menanggalkan dan mengeluarkan aset tersebut dan kos untuk memulihkan semula tapak di mana ianya terletak. Perisian penting peralatan akan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Kos hartanah, loji dan peralatan diiktiraf disebabkan keputusan penggabungan perniagaan berdasarkan nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Nilai saksama hartanah adalah amaun anggaran di mana hartanah boleh ditukar di antara pembeli dan penjual yang sama-sama rela dalam satu urusan niaga telus selepas pemasaran sewajarnya di mana setiap pihak bertindak dengan bijak, berhemat dan tanpa paksaan. Nilai saksama butiran lain loji dan peralatan adalah berdasarkan sebut harga pasaran bagi perkara yang sama.

Apabila bahagian penting hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat berguna berlainan, ia diambil kira sebarang butiran secara berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan.

Laba dan kerugian daripada pelupusan butiran hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada pelupusan dengan nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dan masing-masing diiktiraf dalam "pendapatan lain" atau "perbelanjaan kendalian lain" dalam penyata pendapatan.

iii. Kos berikutan

Kos untuk menggantikan bahagian item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa item tersebut jika ianya berkemungkinan memberi manfaat ekonomi di masa depan yang akan mengalir masuk ke dalam Kumpulan dan kos tersebut boleh diukur dengan yakin. Kos pembiayaan hartanah, loji dan peralatan dari hari ke hari diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

iii. Susut nilai

Susut nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna setiap bahagian item hartanah, loji dan peralatan. Tanah pajakan disusut nilai sepanjang tempoh yang lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat bergunanya kecuali dapat dipastikan dengan kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperoleh hak pemilikan di akhir tempoh pajakan. Tanah milik bebas dan modal kerja dalam pelaksanaan tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut dapat berfungsi untuk tujuan kegunaannya.

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

c. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

iii. Susut nilai (sambungan)

Anggaran hayat berguna bagi tahun semasa dan tahun perbandingan adalah seperti berikut:

Bangunan	50 tahun
Penambahbaikan bangunan dan pengubahsuaian pejabat	2 – 10 tahun
Loji dan mesin	10 – 20 tahun
Perabot dan kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer	3 – 10 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai residual dikaji semula pada tarikh kunci kira-kira.

d. Aset pajakan

i. Pajakan kewangan

Pajakan dari segi di mana Kumpulan mengambil alih secara ketara kesemua risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan pajakan kewangan. Pada pengiktirafan awal, aset pajakan di kira pada amaun bersamaan dengan nilai lebih rendah antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran minimum pajakan. Selepas pengiktirafan awal, aset diambil kira selaras dengan dasar perakaunan berkenaan aset tersebut.

Pembayaran pajakan minimum dibuat di bawah pajakan kewangan di bahagi-bahagikan di antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Perbelanjaan kewangan diperuntukkan untuk setiap tempoh semasa tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang malar di atas baki liabiliti. Pembayaran pajakan bersyarat diambil kira dengan menyemak pembayaran minimum pajakan ke atas baki pajakan selebihnya apabila pelarasan pajakan dipastikan.

ii. Pajakan operasi

Pajakan lain adalah pajakan operasi dan, kecuali kepentingan hartanah dipegang di bawah pajakan operasi, aset pajakan tidak diiktiraf dalam kunci kira-kira Kumpulan. Kepentingan hartanah dipegang di bawah pajakan operasi, untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan modal atau kedua-duanya, dikelaskan sebagai hartanah pelaburan.

Tanah pegangan pajak yang biasanya mempunyai hayat ekonomi dan hak milik yang tidak dijangka akan dipindahkan kepada pemegang pajak di akhir tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Pembayaran dibuat apabila menandatangani atau memperoleh tanah pegangan pajak diambil kira sebagai pajakan prabayar, melainkan untuk tanah pegangan pajak dikelaskan sebagai hartanah pelaburan.

Pembayaran dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf dalam penyata pendapatan mengikut dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan diterima diiktiraf sebagai sebahagian penting jumlah perbelanjaan pajakan, sepanjang tempoh pajakan.

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

e. Pelaburan lain - sekuriti hutang dan ekuiti

Pelaburan dalam sekuriti hutang dan ekuiti diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga yang berkaitan dengannya.

Berikutan pengiktirafan permulaan:

- Pelaburan dalam sekuriti ekuiti bukan semasa kecuali pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk penyusutan nilai,
- Pelaburan dalam sekuriti hutang bukan semasa dinyatakan pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan, tolak peruntukan untuk penyusutan nilai,
- Semua pelaburan semasa dibawa pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai pasaran dan ditentukan berdasarkan agregat portfolio mengikut kategori pelaburan.

Pelaburan jangka panjang di dalam syarikat subsidiari dan bersekutu dinyatakan di dalam Syarikat pada kos tolak kerugian rosot nilai.

Jika para Pengarah berpendapat bahawa wujudnya penyusutan yang bukan bersifat sementara di dalam sekuriti ekuiti bukan semasa dan sekuriti hutang bukan semasa melainkan bagi pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, peruntukan untuk penyusutan nilai akan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun kewangan di mana ianya dikenal pasti.

Berhubung dengan penjualan pelaburan, perbezaan antara hasil penjualan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

Semua pelaburan di dalam sekuriti hutang dan ekuiti diambil kira menggunakan perakaunan tarikh penyelesaian. Perakaunan tarikh penyelesaian merujuk kepada:

- a. pengiktirafan sesuatu aset pada hari ia diterima oleh entiti, dan
- b. pengiktirafan aset ditarik balik sementara sebarang keuntungan atau kerugian daripada penjualan akan diiktiraf pada tarikh ia dihantar.

f. Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang di bawah pajakan untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk menambahkan nilai modal atau kedua-duanya. Ini termasuk tanah yang dipegang untuk kegunaan di masa depan. Hartanah yang dihuni oleh syarikat-syarikat Kumpulan diambil kira sebagai huni sendiri dan bukannya hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian terjejas.

Nilai saksama hartanah pelaburan yang ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ("JPPH") adalah berdasarkan nilai pasaran iaitu jumlah yang dianggarkan untuk hartanah tersebut pada tarikh penilaian dibuat dan boleh digunakan untuk menyempurnakan urus niaga telus antara pembeli dan penjual di mana kedua-dua pihak telah bertindak secara bijak, berhemat dan tanpa paksaan.

Di mana sesuai, penilaian dibuat untuk mengambil kira kelas penyewa yang menghuni atau bertanggungjawab untuk membayar sewa atau berkemungkinan menghuni serta persepsi umum pasaran tentang kepercayaan kredit mereka, tanggungjawab membayar penyelenggaraan dan insurans antara Kumpulan dan penerima pajak serta baki hayat ekonomi hartanah tersebut. Jika sewa sedang dikaji atau pembaharuan pajakan belum selesai dan ianya dijangka meningkat, adalah dianggap bahawa semua notis dan notis balas telah diberi secara sah menurut jangka masa yang sesuai.

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

g. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah di antara kos dan nilai boleh realis bersih. Nilai boleh laksana bersih adalah jangkakan harga jualan pada urusiaga biasa perniagaan, tolak perbelanjaan jualan.

Inventori meliputi terutamanya barangan POS 2020, pakaian seragam posmen, bahan lampiran dan mel serta sijil digital. Kos inventori ditentukan berasaskan purata berwajaran.

Perbelanjaan ke atas pengeluaran setem pos dibelanjakan pada tahun kewangan di mana ia ditanggung dan oleh itu, nilai bagi setem yang dipegang pada tarikh kunci kira-kira tidak ditunjukkan di dalam penyata kewangan. Walaubagaimanapun, untuk tujuan kawalan dalaman, inventori setem pos diambil kira pada nilai muka dalam sub-sistem perakaunan khusus.

h. Penghutang

Penghutang, pada mulanya, diiktiraf pada kos apabila hak kontraktual untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain telah ditetapkan.

Seterusnya, penghutang dinyatakan pada kos tolak peruntukan hutang ragu.

Penghutang tidak dipegang untuk tujuan perdagangan.

i. Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

j. Kerosotan nilai aset

Nilai dibawa bagi aset, kecuali inventori, aset cukai tertunda dan aset kewangan dikaji pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda kerosotan. Jika wujud sebarang tanda kerosotan, nilai yang boleh diperolehi daripada aset tersebut akan dianggarkan.

Amaun boleh pulih adalah amaun yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset tolak kos penjualan dan nilai guna sesebuah aset. Dalam menaksir nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaun ke nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko tertentu ke atas aset tersebut. Apabila nilai dibawa sesuatu aset menjangkau amaun boleh pulihnya, aset tersebut dianggap rosot nilai dan diturun nilai kepada amaun boleh pulihnya. Bagi tujuan penaksiran kerosotan nilai, aset dikumpulkan pada tahun terendah di mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai).

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

j . Kemosotan nilai aset (sambungan)

Kerugian rosot nilai diiktiraf sekiranya nilai dibawa aset atau unit penjana tunai melebihi nilai guna, kecuali jika aset tersebut dibawa pada amaun dinilai semula, di mana kerugian rosot nilai tersebut akan dikira sebagai penurunan penilaian semula hingga ke tahap kerugian rosot nilai tidak menjangkau amaun ditetapkan di dalam rizab penilaian semula aset untuk aset yang sama. Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf berhubung unit penjana tunai diperuntukkan untuk mengurangkan nilai dibawa oleh sebarang muhibah yang diperuntukkan untuk unit tersebut terlebih dahulu, dan kemudiannya, untuk mengurangkan nilai dibawa aset lain di dalam unit (atau kumpulan-kumpulan unit) menurut dasar pro-rata.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh kewangan terdahulu dinilai pada setiap tarikh laporan untuk sebarang tanda yang menunjukkan kerugian tersebut telah berkurangan atau sudah tidak wujud. Kerugian rosot nilai akan dibalikkan jika berlaku perubahan anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai hanya akan dibalikkan sekiranya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun dibawa yang ditentukan, bersih daripada susutnilai atau pelunasan, seandainya tiada kerugian rosot nilai diiktiraf. Pembalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke dalam penyata pendapatan pada tahun pembalikan tersebut diiktiraf.

k. Modal saham

i. Perbelanjaan terbitan

Kos tambahan disebabkan secara langsung oleh terbitan saham dan opsyen saham yang dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai pemotongan daripada ekuiti.

ii. Modal saham keutamaan

Modal saham keutamaan dikelaskan sebagai ekuiti jika ia tak boleh tebus, atau boleh tebus tetapi hanya pada opsyen Syarikat, dan sebarang dividen adalah mengikut budi bicara. Dividen berkaitannya diiktiraf sebagai agihan dalam ekuiti. Modal saham keutamaan dikelaskan sebagai liabiliti jika ia boleh ditebus pada tarikh tertentu atau pada opsyen pemegang saham, atau jika pembayaran dividen bukan mengikut budi bicara. Dividen berkaitannya diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam penyata pendapatan.

l. Pemiutang

Pemiutang, pada mula dan seterusnya, diukur pada kos. Pemiutang diiktiraf apabila terdapat kewajipan kontraktual untuk memberi tunai atau aset kewangan lain kepada entiti lain.

m. Pengiktirafan hasil

Pos dan perkhidmatan berkaitan

• *Pendapatan pos, mel prabayar dan kurier*

Pendapatan pos, mel prabayar dan kurier diiktiraf di dalam penyata pendapatan berasaskan tunai. Tiada peruntukan disediakan di dalam penyata kewangan bagi hasil yang tidak diperoleh pada tarikh kunci kira-kira berhubung dengan perkhidmatan pos yang belum diberikan. Ini tidak mematuhi konsep perakaunan akruan. Walaubagaimanapun ketidakpatuhan ini dijangka tidak mempunyai kesan penting ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat. Kurier berkontrak diiktiraf pada asas akruan.

nota kepada penyata kewangan

2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

m. Pengiktirafan hasil (sambungan)

Pos dan perkhidmatan berkaitan (sambungan)

- **Hasil komisen bagi kiriman wang dan perkhidmatan agensi**
Komisen bagi kiriman wang dan perkhidmatan agensi diiktiraf di dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan diberi.
- **Hasil mel antarabangsa (sambungan)**
Hasil daripada mel antarabangsa yang masuk diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila perkhidmatan diberi.

Perkhidmatan cetakan dan sisipan

Hasil diiktiraf apabila perkhidmatan diberi, bersih daripada cukai dan diskaun jualan.

Penjualan sijil digital

- a. i. Menurut perjanjian yang dimeterai dengan Malayan Banking Berhad ("MBB") mengenai penjualan PhileoAllied Bank (Malaysia) Berhad dan Phileo Allied Securities Sdn Bhd bertarikh 30 Ogos 2000 ("Perjanjian Penjualan Saham") Syarikat dan syarikat subsidiarinya, PSH Allied Berhad ("PSHAB") telah memberi jaminan, aku janji dan kewajipan tertentu kepada MBB, yang akan berterusan selama dua puluh empat 24 bulan dari Tarikh Penyelesaian pada 31 Januari 2001. Kecuali didedahkan di Nota 24 (a)(iii) hingga (v) di bawah ini, pada tarikh penyata kewangan ini, tiada guaman undang-undang yang difailkan oleh MBB yang timbul daripada waranti, aku janji dan obligasi di atas.
- ii. Bagi perkara litigasi penting yang dikenalpasti di dalam Perjanjian Penjualan Saham tersebut, Syarikat dan PSHAB telah bersetuju untuk menanggung kerugian MBB setakat jumlah yang dinyatakan di dalam penghakiman muktamad (termasuk kos yang dicukai dan kos peguam dalam mempertahankan tuntutan tersebut) jika tuntutan bagi tanggung rugi diterima oleh Syarikat dan PSHAB dalam tempoh empat 4 tahun dari Tarikh Penyelesaian pada 31 Januari 2001.
- iii. Pada 18 Januari 2002, Syarikat dan PSHAB ("Defendan") telah disampaikan Writ Saman dan Penyataan Tuntutan oleh MBB ("Plaintif") (Guaman Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D3-22-2240-2001). Seterusnya, Writ Saman Dipinda dan Penyataan Tuntutan Dipinda telah disampaikan oleh Plaintif kepada Defendan pada 19 Mac 2002. Tuntutan Plaintif terhadap Defendan adalah berhubung:
1. pengisytiharan bahawa Defendan telah memungkiri waranti dan aku janji mereka di bawah Perjanjian Penjualan Saham apabila gagal untuk membuat pendedahan khusus tentang kedudukan pinjaman dan dokumen jaminan berhubung kemudahan kredit yang diberi oleh Phileo Allied Credit & Leasing Sdn Bhd kepada Salient Growth Sdn Bhd;
 2. pengisytiharan bahawa Defendan adalah bertanggungjawab, secara bersama dan berasingan, untuk menanggung rugi Plaintif dan memastikan Plaintif ditanggung rugi daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, ganti rugi, kehilangan (termasuk kehilangan keuntungan), kos, obligasi, penalti, liabiliti, denda dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Plaintif berhubung dengan Defendan, atau mana-mana daripada kemungkiran Defendan yang dirujuk di (1) di atas;
 3. bahawa Plaintif ditanggung rugi seperti yang dirujuk di (2) di atas dan diberi kebebasan untuk memohon taksiran ke atas jumlah yang akan dibayar di bawahnya;

nota kepada penyata kewangan

24. Komitmen dan kontingensi (sambungan)

4. ganti rugi untuk ditaksirkan;
5. kos-kos bagi tindakan ini ditanggung oleh Defendan; dan
6. relief tertentu selanjutnya atau lain-lain relief sebagaimana Mahkamah anggap sesuai dan wajar.

Pada 30 Julai 2002, permohonan Defendan untuk memansuhkan Writ Saman Plaintiff telah dibenarkan dengan kos oleh Penolong Pendaftar Kanan. Notis Rayuan bertarikh 6 Ogos 2002 yang difailkan oleh Plaintiff telah disingkirkan dengan kos pada 25 April 2003. Notis Rayuan kepada Mahkamah Rayuan bertarikh 20 Mei 2003 telah difailkan oleh Plaintiff dan perkara tersebut kini sedang menunggu keputusan perbicaraan bagi rayuan tersebut. Tarikh perbicaraan di Mahkamah Rayuan belum ditetapkan.

- iv. Pada 2 April 2003, Syarikat dan PSH Allied Berhad ("Defendan") telah disampaikan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan (Guaman Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D3-22-330-2003) oleh MBB ("Plaintif"). Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah yang berikut:
 1. pengisytiharan bahawa Defendan telah memungkirkan waranti dan akujanji mereka di bawah Perjanjian Penjualan Saham bertarikh 30 Ogos 2000 apabila gagal untuk membuat pendedahan khusus mengenai kedudukan dua akaun margin yang dikendalikan oleh Zuhrah Sentosa Sdn Bhd dan Ujung Prinsip Sdn Bhd dengan Mayban Securities Sdn Bhd.
 2. pengisytiharan bahawa Defendan adalah bertanggungjawab, secara bersama dan berasingan, untuk menanggung rugi Plaintiff dan terus menanggung rugi Plaintiff daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, ganti rugi, kehilangan (termasuk kehilangan keuntungan), kos, obligasi, penalti, liabiliti, denda dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Plaintiff berhubung dengan Defendan, atau mana-mana daripada kemungkinan Defendan yang dirujuk di (1) di atas;
 3. bahawa Plaintiff ditanggung rugi seperti yang dirujuk di (2) di atas dan diberi kebebasan untuk memohon taksiran ke atas jumlah yang akan dibayar di bawahnya;
 4. ganti rugi khas sebanyak RM41,790,851.83 pada 31 Januari 2000 bersama faedah pada kadar 12.25% setahun dari 1 Februari 2000 hingga tarikh pembayaran penuh;
 5. ganti rugi am;
 6. faedah ke atas jumlah perlu dibayar sebagai ganti rugi;
 7. kos-kos akan ditanggung oleh Defendan; dan
 8. relief tertentu selanjutnya atau lain-lain relief yang dianggap sesuai dan wajar oleh Mahkamah.

nota kepada penyata kewangan

24. Komitmen dan kontingensi (sambungan)

Pada 16 Jun 2004, permohonan Defendan untuk memansuhkan Writ Saman Plaintiff telah dibenarkan dengan kos oleh Penolong Pendaftar Kanan. Notis Rayuan telah difailkan oleh Plaintiff pada 24 Jun 2004 untuk merayu keputusan Penolong Pendaftar Kanan tersebut.

Perkara sama telah disingkirkan oleh Hakim pada 26 April 2005. Plaintiff telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan vide Notis Rayuan bertarikh 25 Mei 2005 di CA Sivil No. Rayuan W-03-86-2005. Tarikh perbicaraan di Mahkamah Rayuan belum ditetapkan.

v. Pada 2 April 2003, Syarikat dan PSH Allied Berhad ("Defendan") telah disampaikan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan (Guaman Sivil Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. D3-22-331-2003) oleh MBB ("Plaintif"). Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah yang berikut:

1. pengisytiharan bahawa Defendan telah memungkiri waranti dan akujanji di bawah Perjanjian Penjualan Saham apabila gagal untuk membuat pendedahan khusus tentang tindakan tersebut dilaksanakan oleh Zainuddin bin Abu Bakar terhadap Mayban Allied Berhad vide Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No D2-22-1853-2000;
2. pengisytiharan bahawa Defendan adalah bertanggungjawab, secara bersama dan berasingan, untuk menanggung rugi Plaintiff dan terus menanggung rugi Plaintiff daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, ganti rugi, kehilangan (termasuk kehilangan keuntungan), kos, obligasi, penalti, liabiliti, denda dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Plaintiff berhubung dengan Defendan, atau mana-mana daripada kemungkiran Defendan yang dirujuk di (1) di atas;
3. bahawa Plaintiff ditanggung rugi seperti yang dirujuk dalam (2) di atas dan diberi kebebasan untuk memohon taksiran ke atas jumlah yang akan dibayar di bawahnya;
4. ganti rugi khas sebanyak RM6,021,462 bersama faedah pada kadar 8% setahun dari 3 Oktober 2000 hingga tarikh pembayaran penuh;
5. ganti rugi am;
6. faedah ke atas jumlah perlu dibayar sebagai ganti rugi;
7. dan kos-kos akan ditanggung oleh Defendan; dan
8. relief tertentu selanjutnya atau lain-lain relief yang dianggap sesuai dan wajar oleh Mahkamah.

Pada 16 Jun 2004, permohonan Defendan untuk memansuhkan Writ Saman Plaintiff telah dibenarkan dengan kos oleh Penolong Pendaftar Kanan. Notis Rayuan telah difailkan oleh Plaintiff pada 24 Jun 2004 untuk merayu keputusan Penolong Pendaftar Kanan tersebut. Perkara sama telah disingkirkan oleh Hakim pada 26 April 2005. Plaintiff telah membuat rayuan di Mahkamah Rayuan vide Notis Rayuan bertarikh 25 Mei 2005 di CA Sivil No. Rayuan W-03-87-2005. Tarikh perbicaraan di Mahkamah Rayuan belum ditetapkan.

b. Syarikat telah memberi sokongan kewangan kepada subsidiari tertentu untuk memenuhi semua tanggungjawab liabiliti mereka.

nota kepada penyata kewangan

25. Pelaporan segmen

Kumpulan dibahagikan kepada dua segmen perniagaan utama yang beroperasi hanya di Malaysia:

- a. Pegangan pelaburan
- b. Pos dan perkhidmatan berkaitan (perkhidmatan pos dan yang berkaitannya)

Lain-lain operasi Kumpulan terdiri terutamanya dari pegangan pelaburan dan pelaburan hartanah, yang saiz setiap satunya tidak mencukupi untuk dilaporkan secara berasingan.

Kumpulan beroperasi terutamanya di Malaysia. Oleh itu, maklumat segmen mengikut lokasi geografi tidak ditunjukkan.

2007	Perkhidmatan pos dan yang berkaitannya RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
Hasil	858,516	813	859,329
Keputusan			
Keputusan segmen	115,080	(134,468)	(19,388)
Pendapatan faedah			36,093
Bahagian keputusan selepas cukai bagi ekuiti diambil kira syarikat bersekutu			(1,179)
Keuntungan sebelum cukai			15,526
Perbelanjaan cukai			(49,186)
Kerugian bagi tahun			(33,660)
Maklumat lain			
Aset segmen	764,828	481,273	1,246,101
Syarikat bersekutu			1,043
Jumlah aset			1,247,144
Liabiliti segmen	386,204	1,549	387,753
Jumlah liabiliti			387,753
Perbelanjaan modal			
- Hartanah, loji dan peralatan	65,120	25	65,145
- Prapembayaran pajakan	71,014	-	71,014
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	31,307	644	31,951
Pelunasan pajakan prabayar	11,641	397	12,038

nota kepada penyata kewangan

25. Pelaporan segmen (sambungan)

2006	Perkhidmatan pos dan yang berkaitannya RM'000	Lain-lain RM'000	Jumlah RM'000
Hasil	819,955	-	819,955
Keputusan			
Keputusan segmen	122,312	8,596	130,908
Pendapatan faedah			25,794
Bahagian keputusan selepas cukai bagi ekuiti diambil kira syarikat bersekutu			(778)
Keuntungan sebelum cukai			155,924
Perbelanjaan cukai			(47,691)
Keuntungan bagi tahun			108,233
Maklumat lain			
Aset segmen	1,095,151	228,590	1,323,741
Syarikat bersekutu			2,222
Jumlah aset			1,325,963
Liabiliti segmen	387,816	139	387,955
Jumlah liabiliti			387,955
Perbelanjaan modal			
- Hartanah, loji dan peralatan	42,567	-	42,567
- Prapembayaran pajakan	48	-	48
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	29,151	-	29,151
Pelunasan pajakan prabayar	10,501	-	10,501

nota kepada penyata kewangan

26. Urus niaga penting pihak berkaitan

Bagi tujuan penyata kewangan ini, pihak yang dianggap berkaitan dengan Kumpulan atau Syarikat jika Kumpulan atau Syarikat mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, mengawal pihak berkenaan atau menggunakan pengaruh kuasa terhadap pihak berkenaan dalam membuat keputusan kewangan dan kendalian, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Syarikat dan pihak berkenaan tertakluk kepada kawalan bersama atau pengaruh kuasa bersama. Pihak berkaitan mungkin adalah individu atau entiti lain.

Kakitangan pengurusan utama ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab merancang, mengarahkan dan mengawal aktiviti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama merangkumi semua Pengarah Kumpulan, dan ahli pengurusan kanan Kumpulan.

Urus niaga dengan jabatan dan agensi kerajaan atau dengan entiti menyediakan utiliti awam dilakukan secara telus oleh sebab urusan lazim mereka sebagai utiliti awam atau sebagai jabatan dan agensi kerajaan.

Selain di atas, di bawah adalah pernyataan urus niaga dengan pihak berkaitan. Urus niaga pihak berkaitan dilaksanakan menurut syarat dipersetujui di antara pihak berkenaan.

Nama syarikat	Hubungan	Kumpulan 2007 RM'000	Kumpulan 2006 RM'000
CEN Worldwide Sdn. Bhd.	Subsidiari CEN Sdn. Bhd., syarikat sekutu Pos Malaysia Berhad		
CEN Technology Sdn. Bhd.	Syarikat usaha sama CEN Sdn. Bhd., syarikat sekutu Pos Malaysia Berhad		
		-	1,115
		4,724	3,628
		-	607

Maklumat berhubung baki tertunggak yang timbul daripada urus niaga pihak berkaitan pada 31 Disember 2007 dinyatakan dalam Nota 11 dan 16 kepada penyata kewangan.

Tiada peruntukan untuk hutang ragu dibuat berhubung baki tertunggak ini pada akhir tahun dan tiada peruntukan untuk hutang ragu dibuat semasa tahun kewangan kerana baki ini adalah amaun hutang kepada syarikat berkaitan.

nota kepada penyata kewangan

27. Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Aktiviti Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada berbagai risiko kewangan, termasuk risiko tukaran wang asing, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan keuntungan yang berterusan dan meningkatkan nilai pemegang saham dalam keadaan yang kompetitif dan sentiasa berubah-ubah ini. Dalam masa yang sama, Kumpulan memfokus terhadap melaksanakan Obligasi Khidmat Sejagat sebagai penyedia khidmat pos di seluruh Negara dan di destinasi antarabangsa secara cekap dan berkesan.

Risiko tukaran wang asing

Kumpulan terdedah kepada risiko tukaran wang asing kerana menyediakan khidmat tukaran mel dan khidmat pengiriman. Bagaimanapun bahagian utama pendedahan adalah dalam Dolar AS dan Kumpulan memastikan pendedahan bersih dikekalkan pada tahap yang agak baik dengan memantau keadaan naik turun mata wang asing.

Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai operasi Kumpulan dan Syarikat tidak bergantung kepada perubahan dalam kadar faedah pasaran kecuali bagi pelaburan Kumpulan dan Syarikat di dalam sekuriti hutang berkadar tetap yang mana ianya terdedah kepada risiko perubahan dalam nilai saksama akibat perubahan dalam kadar faedah. Kumpulan dan Syarikat tidak memiliki sebarang pinjaman berfaedah. Deposit jangka pendek Kumpulan dan Syarikat disimpan dalam pelaburan berkadar tetap dan pihak pengurusan sentiasa berusaha memperoleh kadar terbaik di pasaran.

Risiko kredit

Kumpulan berusaha untuk mengawal risiko kredit dengan menetapkan had pihak dan memastikan bahawa perkhidmatan ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan yang berlatarbelakangkan sejarah kredit yang bersesuaian. Semua penghutang dagangan berupaya dipungut dan peruntukan hutang ragu disediakan secukupnya.

Pada tarikh kunci kira-kira, tiada penumpuan risiko kredit yang ketara. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa setiap aset kewangan di dalam kunci kira-kira.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Pengurusan risiko kecairan yang cermat bermakna pengkalan aset kecairan yang mencukupi untuk memenuhi komitmen dan obligasi kewangan apabila perlu dijelaskan pada kos yang berpatutan. Kumpulan dan Syarikat memastikan bahawa keperluan kecairan dipenuhi dan lebihan adalah dalam had yang ditetapkan bagi mengelakkan lebihan kecairan yang mungkin mengakibatkan kerugian peluang pendapatan.

nota kepada penyata kewangan

28. Peristiwa penting

Pos Malaysia & Services Holdings Berhad ("PSH"), dahulunya syarikat induk bagi Syarikat, melaksanakan usaha penstrukturan semula modal yang bermula pada 31 Oktober 2006 dan disempurnakan pada 28 Ogos 2007. Usaha penstrukturan semula modal merangkumi langkah-langkah utama berikut dan butiran usaha penstrukturan semula terkandung dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham PSH bertarikh 12 Mac 2007:

- i. Pemindahan kesemua aset PSH (selain hartanah pegangan pajak terletak di Brickfields, Bangsar dipegang di bawah Pajak Negeri (WP) No. 27419 bagi Lot 361 Seksyen 72 di Bandar dan Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan), tunai, kesemua kepentingan ekuiti dalam Syarikat kepada Syarikat untuk tunai dan penyelesaian oleh Syarikat bagi diri sendiri dan bagi pihak subsidiari lain PSH, semua hutang antara syarikat kepada PSH (bersih daripada peruntukan hutang ragu) berjumlah RM774,415,000;
- ii. Pelaksanaan pecahan saham dan terbitan bonus 340,274,081 saham biasa baru RM0.50 setiap satu oleh Syarikat, yang akhirnya menyebabkan modal saham biasa berbayar RM268,369,042.50 atau 536,738,085 saham biasa baru RM0.50 setiap satu dan juga pemegang saham yang layak PSH menerima satu saham biasa RM0.50 setiap satu dalam Syarikat bagi setiap satu saham biasa RM1.00 setiap satu dipegang dalam PSH;
- iii. Pengagihan modal oleh PSH bagi butiran berikut kepada pemegang saham yang layak berdasarkan pemegangan saham mereka pada tarikh penutupan buku pada 13 Ogos 2007:
 - a. pengagihan tunai RM1.50 bagi setiap saham PSH; dan
 - b. pengagihan kesemua kepentingan ekuiti PSH dalam Syarikat mengikut dasar satu saham biasa baru RM0.50 setiap satu dalam Syarikat bagi setiap satu saham biasa RM1.00 setiap satu dipegang dalam PSH;
- iv. Berikutan butiran (iii) di atas, modal saham PSH dikurangkan daripada RM536,738,087 merangkumi 536,738,087 saham biasa baru RM1.00 setiap satu kepada RM2.00 merangkumi 2 saham biasa RM1.00 setiap satu menurut perintah mahkamah bertarikh 28 Jun 2007.
- v. Pemerolehan kesemua modal saham PSH oleh Syarikat dalam terbitan merangkumi 2 saham biasa RM1.00 setiap satu daripada pemegang amanah dilantik untuk memegang 2 saham biasa RM1.00 setiap satu sebagai pemegang amanah tanpa kepentingan benefisial bagi manfaat Syarikat;
- vi. Pemindahan status penyenaian PSH di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Malaysia") kepada Syarikat.

Berikutan penyempurnaan usaha penstrukturan semula modal, kesemua modal saham biasa berbayar Syarikat RM268,369,042.50 merangkumi 536,738,085 saham biasa RM0.50 setiap satu, telah dimasukkan ke dalam Senarai Rasmi Bursa Malaysia menggantikan PSH.

Meskipun perubahan berikutan usaha penstrukturan semula modal, komposisi Kumpulan tetap serupa.

nota kepada penyata kewangan

28. Peristiwa penting (sambung)

Usaha penstrukturan semula modal memberi kesan berikut kepada aset dan liabiliti Kumpulan setelah pemindahan aset dan liabiliti PSH pada 28 Ogos 2007:

	RM'000
Hartanah, loji dan peralatan	10,607
Pajakan prabayar	8,274
Hartanah pelaburan	15,071
Pelaburan lain	335,991
Aset cukai tertunda	258
Penghutang, deposit dan prabayar	69,442
Cukai boleh didapati	584
Tunai dan kesetaraan tunai	291,824
Pemiutang dan akruan	(2,593)
	729,458
Rizab timbul daripada usaha penstrukturan semula	44,957
	774,415
Pertimbangan dibayar dengan tunai	774,415
Tunai diperolehi	(291,824)
	482,591
Aliran keluar tunai bersih	482,591



nota kepada penyata kewangan

29. Angka bandingan

Angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula berikutan perubahan dasar perakaunan yang timbul oleh sebab penerapan FRS 117, Pajakan. Tanah pegangan pajak Kumpulan dan Syarikat berjumlah RM216,200,000 dan RM214,172,000 masing-masingnya pada 2006 dikelaskan semula daripada hartanah, loji dan peralatan kepada prapembayaran pajakan untuk memenuhi keperluan FRS 117, Pajakan. Perubahan dalam angka bandingan dinyatakan di bawah:

	Seperti dinyatakan semula RM'000	Seperti dinyatakan terdahulu RM'000
Kumpulan		
Kunci kira-kira		
Hartanah, loji dan peralatan	113,349	329,549
Pajakan prabayar	216,200	-
Penyata pendapatan dan aliran tunai – aktiviti kendalian		
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	29,151	39,652
Pelunasan Pajakan prabayar	10,501	-
Kumpulan		
Kunci kira-kira		
Hartanah, loji dan peralatan	107,152	321,324
Pajakan prabayar	214,172	-
Penyata pendapatan dan aliran tunai – aktiviti kendalian		
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	27,340	37,789
Pelunasan Pajakan prabayar	10,449	-

Penyata kewangan harus dibaca berserta penyata kewangan teraudit Kumpulan PSH bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006. Nota penjelasan ini yang dilampirkan kepada penyata kewangan memberi penerangan tentang peristiwa dan urus niaga yang penting terhadap kefahaman dalam perubahan kedudukan dan prestasi kewangan Kumpulan sejak tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



10 hartanah utama dimiliki

Bil	Jenis	Lokasi	Hartanah Berkaitan	Pemilik Bermanfaat/ Berdaftar	Kegunaan Semasa/ Keterangan
1	Tanah Milik	Shah Alam	HS(D) 98478, PT No 1 Sek 21, Bandar Shah Alam, Daerah of Petaling Jaya, Negeri Selangor	PMB Properties Sdn Bhd	Pusat Pemprosesan Sesyen 21 Shah Alam
2	Tanah Milik	Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur	HS(D) 49280, PT 46 Sek 70, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	Pejabat Pos Besar/ Bangunan Lapan Tingkat
3	Bangunan	Kompleks Mel dan Kurier	Mukim Sepang, Daerah Sepang, Negeri Selangor	Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.	Kompleks Mel dan Kurier
4.	Tanah Milik	Ipoh	Pajakan Negeri 155068 for Lot 2436N, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong
	Tanah Milik	Ipoh	Pajakan Negeri 155069 untuk Lot 2437N, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong
	Tanah Milik	Ipoh	Pajakan Negeri 4738 for Lot 31448, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong
	Tanah Milik	Ipoh	Pajakan Negeri 153337 for Lot 35120, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong
	Tanah Milik	Ipoh	Pajakan Negeri 153721 for Lot 2351N, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong
	Tanah Milik	Ipoh	CT No 55283 for Lot 31449, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong

10 hartanah utama dimiliki

Status/ Usia Bangunan	Keluasan Tanah	Keluasan Lantai Kasar	Penilaian/ Kos Pembelian (RM)	Nilai Buku Bersih (RM) pada 31 Desimber 2007
Pajakan 99 tahun (baki 87 tahun) tamat tempoh 19/7/2094	90,071.82 meter persegi	500,000 kaki persegi	71,014,000.00	71,014,000.00
Pajakan 99 tahun tamat tempoh 27/01/2079/ lebih kurang 23 years	8,496 meter persegi	44,519 meter persegi	60,000,000.00	36,428,571.43
Konsesi	9.1306 ekar	201,600 kaki persegi	34,277,932.04	22,885,139.05
Pajakan 999 tahun tamat tempoh pada 30/12/2893	14,102 kaki persegi	Tiada Kaitan	3,262,660.00 (penilaian RM1,441,184.47)	15,071,000.00
Pajakan 999 tahun tamat tempoh pada 30/12/2893	15,328 kaki persegi	Tiada Kaitan	2,804,939.00 (penilaian RM1,566,383.83)	
Pajakan 999 tahun tamat tempoh pada 30/12/2893	29,294 kaki persegi	Tiada Kaitan	4,741,831.00 (penilaian RM5,444,555.59)	
Pajakan 999 tahun tamat tempoh pada 24/03/2895	23,985 kaki persegi	Tiada Kaitan		
Pajakan 999 tahun tamat tempoh pada 30/12/2883	16,144 kaki persegi	Tiada Kaitan	3,550,000.00 (penilaian RM1,649,850.18)	
Pegangan Bebas	32,398 kaki persegi	Not applicable	2,980,593.00 (penilaian 3,310,829.17)	

10 hartanah utama dimiliki

Bil	Jenis	Lokasi	Hartanah Berkaitan	Pemilik Bermanfaat/ Berdaftar	Kegunaan Semasa/ Keterangan
	Tanah Milik	Ipoh	Pajakan Negeri 155073 untuk Lot 2740N, Bandar Ipoh, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan	Effivation Sdn. Bhd.	Tanah Kosong
5	Tanah yang Didaftarkan	Bukit Raja	HS(D) 56783, PT 27615, Mukim of Kapar, Daerah Klang, Negeri Selangor	Pos Malaysia Berhad	Pusat Mel dan Pejabat/ Gudang dengan Pejabat Bersambung Tiga Tingkat
6	Tanah yang Didaftarkan	Larkin	HS(D) 109201, PT TLO 682, Bandar Johor Bahru, Daerah Johor Bahru Negeri Johor	Pos Malaysia Berhad	Pusat Mel, Johor Bahru/ Gudang Berasingan satu Tingkat dengan Pejabat Tambahan dua tingkat dan Blok Pejabat Berasingan Satu Tingkat serta Gudang Berasingan, dll
7	Bangunan	Persiaran Greenhill	Nota	Real Riviera Sdn. Bhd.	Bangunan Pejabat
8	Tanah Milik	Kota Kinabalu	Pajakan Bandar 017542746 Lot 017542746 Bertempat di Bandar Kota Kinabalu Daerah Kota Kinabalu, Negeri Sabah	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan	Pejabat Pos/Bangunan Sebelas Tingkat
9	Tanah yang Didaftarkan	Bangi	HS(D) 52880, PT 41029, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor	Pos Malaysia Berhad	Pusat/Gudang Mel dengan Pejabat Bersambung (2 Unit)
	Tanah yang Didaftarkan	Bangi	HS(D) 52881, PT 41030, Bandar Baru Bangi, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor		
10	Bangunan	Jalan Damansara	Unit Nos. F08G/01,F10G/01, F11G/01, F12G/01,F13G/01, Phileo Damansara, Jalan Damansara, Petaling Jaya, Negeri Selangor	PSH Properties Sdn. Bhd.	Unit Pejabat dan Perniagaan

Nota

- HS(D) Ka 21276 PT 18020 99 tahun tamat tempoh pada 20/12/2078
- HS(D) Ka 7533/79 PT 18021 99 tahun tamat tempoh pada 20/12/2078
- HS(D) Ka 7534/79 PT 18022 99 tahun tamat tempoh pada 20/12/2078
- PN 101760 Lot 8619 N 999 tahun tamat tempoh pada 21/09/2894
- PN 101761 Lot 8620 N 999 tahun tamat tempoh pada 21/09/2894
- PN 101762 Lot 8621 N 999 tahun tamat tempoh pada 21/09/2894
- Untuk hartanah No. 4 penilaian semula dilakukan pada 1/06/2004
- Untuk hartanah No. 7 penilaian semula dilakukan pada 26/06/2004
- Untuk hartanah lain, tiada penilaian semula dilakukan

10 hartanah utama dimiliki

Status/ Usia Bangunan	Keluasan Tanah	Keluasan Lantai Kasar	Penilaian/ Kos Pembelian (RM)	Nilai Buku Bersih (RM) pada 31 Desimber 2007
Pajakan 999 tahun tamat tempoh pada 30/12/2893	16,226 kaki persegi	Tiada Kaitan	3,739,742.00 (penilaian RM1,658,196.76)	
Pegangan Bebas/ lebih kurang 10 tahun	8,809 meter persegi	60,465 kaki persegi	18,167,221.00	14,639,142.72
Pegangan 60 tahun tamat tempoh pada 15/12/2021	20,234 meter persegi	6,600.82 meter persegi	16,488,040.00	14,179,714.28
Pajakan 84-900 tahun tamat tempoh seperti nota dibawah/ lebih kurang 12 tahun	6,840 kaki persegi	Tiada Kaitan	9,566,460.62	7,541,722.26
Pajakan 99 tahun tamat tempoh pada 31/12/2074/ Lebih kurang 21 1/2 years	1.66 ekar	145,083 kaki persegi	12,146,000.00	7,374,357.14
Pajakan 99 tahun tamat tempoh pada 19/08/2098/ Lebih kurang 7 years	6,267 meter persegi (1.5486 ekar)	22,000 kaki persegi	2,800,000.00	
Pajakan 99 tahun tamat tempoh pada 19/08/2098/ Lebih kurang 7 years	4,206 meter persegi (1.0393 ekar)	22,000 kaki persegi	2,400,000.00	
Pegangan Bebas		15,509 kaki persegi	7,694,004.63	6,219,320.41

analisis pemegangan saham

pada 25 April 2008

Modal Dibenarkan

RM1,000,000,001.00 dibahagikan kepada 2,000,000,000 saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dan 1 Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Khas bernilai RM1.00

Modal Terbitan dan Berbayar

RM268,369,043.50 berbentuk 536,738,085 saham biasa bernilai RM0.50 setiap satu dan 1 Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Khas bernilai RM1.00

Hak Mengundi

Satu undi bagi setiap saham biasa

(Saham Keutamaan Boleh Tebus Hak Khas tidak mempunyai hak mengundi kecuali pada keadaan yang ditetapkan oleh Tataurusan Pertubuhan Syarikat)

Bilangan Pemegang Saham

28,833

Pemegang Saham Utama

Pemegang am Utama	Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	%	Bil. Saham	%
1 Khazanah Nasional Berhad	172,997,399	32.23	-	-
2 Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	52,635,400	9.81	-	-
3 Aberdeen Asset Management Asia Limited	40,784,100	7.60	-	-
4 Aberdeen Asset Management PLC dan subsidiarinya	50,642,200	9.44	-	-
5 Utilico Emerging Markets Limited	37,344,900	6.96	-	-
6 Minister of Finance (Inc.)	-	-	172,997,399*	32.23

Nota:

* Dianggap berkepentingan melalui Khazanah Nasional Berhad.

Agihan Pemegangan Saham

Pemegangan	Bil. Saham*	% Jumlah Saham	Bil. Pemegang	% Jumlah Saham
Kurang dari 100	273,441	0.05	5,793	20.09
100 hingga 1,000	6,973,127	1.30	10,778	37.38
1,001 hingga 10,000	38,157,161	7.11	10,378	35.99
10,001 hingga 100,000	44,903,051	8.37	1,662	5.76
100,001 hingga 26,836,903	193,212,506	36.00	219	0.76
26,836,904 ke atas	253,218,799	47.17	3	0.02
Jumlah	536,738,085	100.00	28,833	100.00

analisis pemegangan saham

pada 25 April 2008

30 Pemegang Saham Terbesar

Bil.	Nama	Bil. Saham	%
1	Khazanah Nasional Berhad	172,997,399	32.23
2	Employees Provident Fund Board	42,876,500	7.99
3	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd Exempt an for JPMorgan Chase Bank, National Association (Bermuda)	37,344,900	6.96
4	CIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Prima Pegun Sdn Bhd	15,561,432	2.90
5	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd Exempt an for BNP Paribas Securities Services (Convert in USD)	11,350,000	2.11
6	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd Exempt an for RBC Dexia Investor Services Trust (Clients Account)	10,000,000	1.86
7	Valuecap Sdn Bhd	8,090,900	1.51
8	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd RBS Coutts Sg for Glenmorgan Company Inc.	6,130,000	1.14
9	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd State Street London Fund XCB9 for Aberdeen Asian Smaller Companies Investment Trust Plc	5,500,000	1.02
10	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd HSBC-FS for Aberdeen Malaysia Equity Fund	4,975,100	0.93
11	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd Exempt an for JPMorgan Chase Bank, National Association (Norges Bank)	4,550,000	0.85
12	Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd MIDF Amanah Asset Nominees (Tempatan) Sdn Bhd for Employees Provident Fund Board (JF404)	4,471,900	0.83
13	Pertubuhan Keselamatan Sosial	4,143,300	0.77
14	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd ING Insurance Berhad (INV-IL Par)	4,133,500	0.77
15	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd State Street London Fund XCP2 for Aberdeen Asian Income Fund Limited	4,000,000	0.75
16	Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Aberdeen Asset Management Sdn Bhd for the Employees Provident Fund Board (250416)	3,946,000	0.74
17	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd State Street London Fund XCC6 for Aberdeen New Dawn Investment Trust Plc	3,850,000	0.72
18	Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd CBNY for DFA Emerging Markets Fund	3,633,817	0.68
19	UOBM Nominees (Asing) Sdn Bhd Exempt an for Natixis Bleichroeder Inc (Clients a/c)	3,500,000	0.65
20	Amsec Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Aberdeen Asset Management Sdn Bhd for Tenaga Nasional Berhad Retirement Benefit Trust Fund (FMAberdeen)	3,394,100	0.63

analisis pemegangan saham pada 25 April 2008

Bil.	Nama	Bil. Saham	%
21	Kenanga Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Kenanga Capital Sdn Bhd for BH Builders Sdn Bhd	2,710,000	0.50
22	Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Exempt an for MIDF Amanah Asset Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (Account 1)	2,644,400	0.49
23	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd Investors Bank and Trust Company for IShares, Inc.	2,259,000	0.42
24	Affin Nominees (Asing) Sdn Bhd UOB Kay Hian Pte Ltd for Cheng Good Hiang	2,060,000	0.38
25	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd Exempt an for Danske Bank A/S (Client Holdings)	2,020,200	0.38
26	Malaysian Assurance Alliance Berhad	1,929,300	0.36
27	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd Exempt an for Prudential Fund Management Berhad	1,864,955	0.35
28	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd HSBC Bk Plc for First State Singapore and Malaysia Growth Fund	1,850,100	0.34
29	Chai Yune Loong	1,822,000	0.34
30	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd BBH and Co Boston for Vanguard Emerging Markets Stock Index Fund	1,759,800	0.33
Jumlah		375,368,603	69.94

Pegangan Saham Pengarah seperti di Daftar Pegangan Saham Pengarah pada 25 April 2008

Nama Pengarah	Kepentingan Langsung	%	Kepentingan TidakLangsung	%
Tan Sri Adam Kadir	-	-	-	-
Dato' Idrose bin Mohamed (Resigned w.e.f. 2 May 2008)	-	-	-	-
Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	469,400*	0.09	-	-
Datuk Low Seng Kuan	-	-	-	-
Dato' Krishnan a/l Chinapan	-	-	-	-
Puan Sri Datuk Nazariah binti Mohd Khalid	-	-	-	-
Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh	-	-	-	-
Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon	-	-	-	-
Tunku Mahmood Fawzy bin Tunku Muhiyiddin	-	-	-	-
Abdul Hamid bin Sh Mohamed	-	-	-	-

* 230,000 saham dipegang di bawah nama sendiri dan 239,400 dipegang di bawah CIMSEC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd – Prima Pegun Sdn Bhd.

notis mesyuarat agung tahunan ke 16

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ke 16 Pos Malaysia Berhad akan diadakan di Grand Ballroom, Tingkat Pertama, Sime Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 19 Jun 2008 pada pukul 10.00 pagi untuk tujuan berikut:

Sebagai Urusan Biasa:

1. Untuk menerima Laporan Pengarah dan Penyata Pengarah, Penyata Kewangan yang Diaudit dan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007. **Resolusi Biasa 1**
2. Untuk mengesyorkan dividen akhir sebanyak 5 sen sesaham ditolak cukai pada tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2007. **Resolusi Biasa 2**
3. Untuk melantik semula Dato' Krishnan a/l Chinapan yang bersara menurut Artikel 115 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, dan oleh kerana layak, menawarkan diri beliau untuk pelantikan semula. **Resolusi Biasa 3**
4. Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 110 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, dan oleh kerana layak, menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula:
 - a. Tan Sri Adam Kadir **Resolusi Biasa 4**
 - b. Puan Sri Datuk Nazariah binti Mohd Khalid **Resolusi Biasa 5**
 - c. Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh **Resolusi Biasa 6**
 - d. Encik Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon **Resolusi Biasa 7**
 - e. Tunku Mahmood Fawzy bin Tunku Muhiyiddin **Resolusi Biasa 8**
 - f. Encik Abdul Hamid bin Sh Mohamed **Resolusi Biasa 9**
5. Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **Resolusi Biasa 10**

Sebagai Urusan Khas:

Untuk menimbang, dan jika difikirkan sesuai, meluluskan resolusi berikut, dengan atau tanpa modifikasi, sebagai resolusi biasa:

6. Yuran Pengarah
"Bahawa pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM147,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007 diluluskan." **Resolusi Biasa 11**
7. Kuasa untuk memperuntuk dan menerbitkan saham menurut Seksyen 132D Akta Syarikat 1965
"Bahawa para Pengarah Syarikat, menurut Seksyen 132D Akta Syarikat 1965, diberi kuasa untuk memperuntuk dan menerbitkan saham dalam Syarikat pada masa tertentu, sehingga tamatnya Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya, bagi balasan dan menurut terma dan peraturan yang mengikut pertimbangan muktamad mereka, adalah sesuai dan selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat, dengan syarat bilangan agregat saham baru yang akan diterbitkan tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan dan berbayar Syarikat dan sentiasa tertakluk kepada kelulusan penguasa kawal atur." **Resolusi Biasa 12**
8. Untuk menjalankan sebarang urusan lain yang notis mengenainya telah diberi menurut Akta Syarikat 1965.

notis mesyuarat agung tahunan ke 16

Notis Penutupan Buku bagi Pembayaran Dividen

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN BAHAWA dividen akhir sebanyak 5 sen sesaham ditolak cukai pada tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2007 jika diluluskan oleh para pemegang saham di Mesyuarat Agung Tahunan, akan dibayar pada 8 Ogos 2008 kepada Pendeposit yang nama mereka tercatat dalam Buku Pendaftaran Pendeposit pada 9 Julai 2008.

Pendeposit adalah berhak kepada pembayaran dividen tersebut sekiranya:

- a. saham-saham yang dipindahkan kepada akaun jaminan Pendeposit sebelum 4.00 petang pada 9 Julai 2008 bagi pemindahan biasa; dan
- b. saham-saham yang dibeli dengan Bursa Malaysia Securities Berhad untuk menerima hak berdasarkan Peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

Sabrina Albakri binti Abu Bakar (LS8508)

Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
28 Mei 2008

Nota-nota:

1. Seseorang ahli yang layak untuk hadir dan mengundi juga layak untuk melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Jika seorang ahli melantik dua (2) proksi untuk menghadiri Mesyuarat, setiap ahli mestilah memegang tidak kurang daripada had minima seperti yang tertakluk dalam Peraturan dan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.
2. Di mana seorang ahli melantik dua (2) proksi untuk menghadiri Mesyuarat tersebut, ahli tersebut perlu menentukan nisbah pegangan sahamnya yang akan diwakili oleh setiap proksi. Seseorang proksi tidak semestinya seorang ahli Syarikat dan seorang ahli boleh melantik sesiapa sahaja untuk menjadi proksi tanpa pembatasan dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat 1965 tidak dikenakan ke atas Syarikat. Di mana ahli Syarikat itu adalah penama yang diberi kuasa sebagaimana ditakrif selaras dengan peruntukan Akta Pendepositori Pusat, ia boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang ia pegang dengan saham-saham biasa Syarikat berada dalam kredit akaun sekuriti tersebut.
3. Suratcara pelantikan proksi dibuat secara bertulis di bawah tandatangan pelantik atau wakil beliau yang diberi kuasa secara bertulis atau, jika pelantik adalah sebuah perbadanan, sama ada di bawah meterai perbadanan tersebut atau di bawah tandatangan pegawai atau wakil yang diberi kuasa.
4. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dihantar ke pejabat Pendaftar Saham Syarikat di Tenaga Koperat Sdn Bhd, G-01 Tingkat Bawah, Plaza Permata, Jalan Kampar, Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur tidak lewat dari empat puluh lapan (48) jam sebelum masa yang ditetapkan untuk Mesyuarat atau sebarang penangguhannya.
5. Nota Tambahan mengenai Urusan Khas:
 - 5.1 Resolusi ke atas Yuran Pengarah
Resolusi Biasa No. 11 yang dicadangkan adalah selaras dengan Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan jika diluluskan, akan memberi kebenaran kepada bayaran untuk yuran Pengarah Syarikat di atas perkhidmatan mereka sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2007.
 - 5.2 Resolusi menurut Seksyen 132D Akta Syarikat 1965
Resolusi Biasa No. 12 yang dicadangkan, jika diluluskan, adalah untuk memberi fleksibiliti kepada para Pengarah Syarikat untuk menerbit dan memperuntuk saham untuk tujuan tertentu, yang menurut pertimbangan mutlak para Pengarah adalah untuk kepentingan Syarikat, tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung. Kuasa ini akan tamat di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat akan datang.

borang proksi

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-16

Pos Malaysia Berhad (229990-M)

No Akaun CDS Penama Diberi Kuasa*

Bilangan Saham Dipegang

Saya/Kami, _____

(NAMA PENUH PEMEGANG SAHAM SEPERTI DI DALAM NO. KP/PASPORT NO. DALAM HURUF BESAR)

No. KP (Baru) _____ (lama) _____

dari _____

(ALAMT PENUH)

sebagai Ahli Pos Malaysia Berhad, dengan ini melantik:

(i) "A" _____

(NAMA PENUH PROKSI "A" SEPERTI DI DALAM NO. KP/PASPORT NO. DALAM HURUF BESAR)

No. KP (Baru) _____ (lama) _____

dari _____

(ALAMT PENUH)

atau sekiranya tidak hadir _____

(NAMA PENUH SEPERTI DI DALAM NO. KP/PASPORT NO. DALAM HURUF BESAR)

dari _____

(ALAMT PENUH)

atau sekiranya beliau tidak hadir, pengerusi mesyuarat; dan

(ii) "B" _____

(NAMA PENUH PROKSI "B" SEPERTI DI DALAM NO. KP/PASPORT NO. DALAM HURUF BESAR)

No. KP (Baru) _____ (lama) _____

dari _____

(ALAMT PENUH)

atau sekiranya tidak hadir _____

(NAMA PENUH SEPERTI DI DALAM NO. KP/PASPORT NO. DALAM HURUF BESAR)

dari _____

(ALAMT PENUH)

atau sekiranya beliau tidak hadir, pengerusi mesyuarat;

sebagai proksi saya/kami untuk mengundi bagi pihak saya/kami, di Mesyuarat Agung Tahunan Ke-16 Syarikat, yang akan diadakan di Grand Ballroom, Tingkat Satu, Sime Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 19 Jun 2008 jam 10.00 pagi dan pada mesyuarat yang ditangguhkan jika ada. Proksi saya/kami akan mengundi seperti dinyatakan di bawah:

Perkadaran pegangan saya/kami untuk diwakilkan oleh proksi saya/kami adalah seperti berikut:

Proksi "A"	%
Proksi "B"	%
	100 %

Bil.	Resolusi Baisa	Menyokong	Menentang
1.	Untuk menerima Laporan dan Penyata Kewangan Teraudit		
2.	Untuk meluluskan pembayaran dividen		
3.	Untuk melantik semula Dato' Krishnan a/l Chinapan sebagai Pengarah		
4.	Untuk melantik semula Tan Sri Adam Kadir sebagai Pengarah		
5.	Untuk melantik semula Puan Sri Datuk Nazariah binti Mohd Khalid sebagai Pengarah		
6.	Untuk melantik semula Dato' Ibrahim Mahaludin bin Puteh sebagai Pengarah		
7.	Untuk melantik semula Mr Wee Hoe Soon @ Gooi Hoe Soon sebagai Pengarah		
8.	Untuk melantik semula Tunku Mahmood Fawzy bin Tunku Muhiyiddin sebagai Pengarah		
9.	Untuk melantik semula Encik Abdul Hamid bin Sh Mohamed sebagai Pengarah		
10.	Untuk melantik semula Tetuan KPMG sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya		
11.	Untuk meluluskan imbuhan para Pengarah		
12.	Menerbit dan memperuntukkan saham baru di bawah Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965		

Sila tanda ("X") di dalam ruang yang disediakan berhubung undian yang akan diberikan untuk Resolusi Biasa tertera pada Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-16. Jika anda tidak berbuat sedemikian, proksi akan mengundi atau mengecualikan diri daripada mengundi mengikut budi bicara beliau.

Tandatangan pada _____ hari bulan _____ 2008

Tandatangan/Meterai Pemegang Saham

Nota:

1. Setiap ahli yang berhak untuk hadir dan mengundi berhak untuk melantik seorang proksi bagi menghadiri dan mengundi bagi pihaknya. Ahli tersebut boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi untuk menghadiri Mesyuarat tersebut berdasarkan pegangan ahli tersebut tidak kurang dari lot dagangan minima yang di nyatakan di bawah Peraturan dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad.
2. Jika ahli mewakilkan dua (2) proksi untuk menghadiri Mesyuarat tersebut, ahli tersebut perlu menyatakan perkadaran pegangan saham beliau yang akan diwakilkan bagi setiap proksi. Proksi yang dilantik tidak semestinya ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1) Akta Syarikat 1965 tidak perlu dipatuhi. Sekiranya ahli adalah penama yang diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), ahli tersebut boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi bagi setiap akaun sekuriti yang memegang saham biasa Syarikat yang dikreditkan ke akaun sekuriti tersebut.
3. Instrumen pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pelantik atau peguamnya yang telah diberi kuasa secara bertulis atau jika pelantik adalah sebuah syarikat, mestilah dengan meterai atau secara bertulis oleh peguamnya.
4. Instrumen pelantikan proksi hendaklah diserahkan ke Pendaftar Saham Syarikat, Tenaga Koperat Sdn Bhd, G-01 Tingkat Bawah, Plaza Permata, Jalan Kampar, Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur tidak kurang dari 48 jam sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan atau pada mesyuarat yang ditangguhkan jika ada.

* Berkait dengan saham melalui akaun penama.

Lengkapkan borang ini sewajarnya, masukkan ke dalam sampul surat dan pos kepada:

Pendaftar Saham
TENAGA KOPERAT SDN BHD (118401-V)
 G-01 Tingkat Bawah, Plaza Permata
 Jalan Kampar, Off Jalan Tun Razak
 50400 Kuala Lumpur